

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-620
BIL. 2/2026 PADA 24 FEBRUARI 2026

**1. TARIKH AKHIR PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI
PENGKAL PERTAMA 2026 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE
SEBERANG PERAI**

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGKAL PERTAMA 2026 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI** telah bermula pada **1 Disember 2025** dan akan tamat pada **28 Februari 2026**. Promosi ini diadakan khas kepada semua pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun bagi tahun 2026 berserta tunggakan (jika ada) melalui saluran *online*, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.

MBSP telah menyediakan sebanyak 60 hadiah cabutan bertuah berbentuk wang tunai seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888.00
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000.00
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM4,000.00
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM3,000.00

Tempat Ke-5	Wang Tunai RM2,000.00
Tempat Ke-6 hingga Ke-60	Pelbagai Hadiah Wang Tunai Yang Lain

ASPIRE Seberang Perai juga telah sudi untuk menaja tiga (3) hadiah cabutan bertuah kepada pemilik premis yang membuat bayaran melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, ASPIRE Web Portal atau ASPIRE Smart Cashless Kiosk. Tajaan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Gold Bar 3gm
Tempat Ke-2	Gold Bar 2gm
Tempat Ke-3	Gold Bar 1gm

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2026 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah dan berpeluang memenangi hadiah utama iaitu wang tunai RM8,888.00.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web MBSP <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbasp.gov.my.

2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 2 MAC 2026

Dimaklumkan bahawa 28 Februari 2026 (Sabtu) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2026. Mulai 2 Mac 2026 (Isnin), caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP.

Semakan dan pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Kg. Jawa & Jawi.

Sekian, terima kasih.